

CONTOH PENULISAN JURNAL REFLEKSI LATIHAN INDUSTRI

(JPH)

TARIKH: 3 Ogos 2015

HARI: ISNIN

CATATAN HARIAN

Perkara/ Tajuk : **Proses kerja mereka bentuk draf brosur/pamphlet Pakej 2 Hari 1 Malam di Langkawi untuk MATTA FAIR 2015.**

Aktiviti :

- i. Proses kerja : Pelajar ditugaskan untuk mereka bentuk draf brosur atau pamphlet bagi pakej pelancongan 2 hari 1 malam di Langkawi yang dirancangkan untuk bahan promosi ketika aktiviti MATTA Fair 2015 yang dijangka akan berlangsung pada bulan November 2015. Proses kerja bagi mereka bentuk brosur tersebut adalah seperti berikut:

1) Mengumpul bahan/ maklumat

Mencari brosur/ katalog sedia ada untuk mendapatkan maklumat berkaitan dan idea



2) Mula mereka bentuk draf brosur

Merangka draf brosur dalam kertas saiz A4 dan susun atur maklumat dan gambar yang menarik



3) Menggunakan perisian Publisher untuk membuat brosur

Maklumat dimasukkan ke dalam draf brosur seperti yang telah di draf.



4) Cetak dan dapatkan kelulusan penyelia

Brosur dicetak dan ditunjukkan kepada penyelia untuk proses penambahbaikan dan kelulusan



5) Proses edit terakhir

Draf brosur diedit semula mengikut persetujuan penyelia



6) Proses percetakan

Brosur yang siap diedit dan telah mendapat kelulusan penyelia akan dihantar ke bahagian percetakan untuk mencetak brosur dalam kuantiti yang telah ditetapkan.

ii. Isu dan Cabaran:

Pelajar kekurangan idea dan kurang kreatif untuk menghasilkan brosur yang cantik dan bermaklumat yang lengkap. Tidak tahu menggunakan perisian yang sesuai untuk membuat brosur.

iii. Cara Penyelesaian:

Pelajar meminta bantuan dan tunjuk ajar daripada staf-staf lain serta merujuk kepada maklumat sedia ada pada brosur yang lama.

Refleksi/Kesimpulan:

Pelajar dapat mempelajari kemahiran mereka bentuk brosur dengan menggunakan perisian Microsoft Publisher. Pelajar dapat menambah kemahiran menggunakan komputer serta menjadi lebih kreatif.